

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER
A/L RAJAJI [JELUTONG]**

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk meningkatkan lagi perkhidmatan internet di kawasan-kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberikan tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar di seluruh negara.

2. Di bawah pelan JENDELA, penambahbaikan infrastruktur digital yang dilaksanakan secara berfasa akan memberikan kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan luar bandar. Sasaran fasa pertama yang bermula sekarang sehingga tahun 2022 adalah:

- a. penambahan daripada 4.95 juta premis kepada 7.50 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit;
- b. perluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan yang berpenduduk; serta
- c. mempertingkatkan kelajuan purata jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps.

3. Untuk mencapai sasaran yang ditetapkan, tambahan sebanyak lebih 2.5 juta premis akan disediakan akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan gigabit melalui rangkaian gentian optik. Untuk perkhidmatan jalur lebar mudah alih, sejumlah 2,601 menara baharu akan dibina. Manakala, sebanyak 20,803 alat pemancar komunikasi sedia ada akan dinaik taraf kepada teknologi 4G.

4. Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.